

MAHATHIR - BN

(I)

1985

KUALA LUMPUR, 30 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PENYELESAIAN KRISIS MCA YANG BERLARUTAN SELAMA 10 BULAN ITU MEMBUKTIKAN BAHAWA PARA PENGKRITIK ADALAH SALAH APABILA MENYATAKAN KRISIS ITU AKAN MEMBAWA KEHANCURAN KEPADA BARISAN NASIONAL.

PERDANA MENTERI BERKATA KRISIS YANG BERLARUTAN ITU MENYEBABKAN +PAK NUJUM+ MERAMALKAN SAMA ADA KERAJAAN AKAN MELAMBAT-LAMBATKAN PILIHANRAYA ATAU MENGADAKAN PILIHANRAYA SECARA MENGEJUT.

+ANDA BOLEH TERUS MEMBUAT RAMALAN BILAKAH PILIHANRAYA AKAN DIADAKAN TETAPI BUKANLAH ANDA YANG MEMUTUSKANNYA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENYAKSIKAN UPACARA MENANDATANGANI PERSETUJUAN YANG MENAMATKAN KRISIS MCA ANTARA DUA PUAH YANG BERSENGKETA DI PEJABAT PERDANA MENTERI DI SINI. - BERNAMA.  
2127MST 30 01 85.